

Media Title : Daily Express (Sabah)  
Headline : Gerakkan aktiviti KRT ketika peralihahn ke fasa endemik  
Date : 6 April 2022  
Page : 3

## Gerakkan aktiviti KRT ketika peralihan ke fasa endemik

SANDAKAN: Kawasan Rukun Tetangga (KRT) di seluruh negeri ini disaran terus menggerakkan aktiviti berikutan adanya kelonggaran dalam fasa peralihan ke endemik yang bermula 1 April lalu.

Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (JPNIN) Sabah, Delin Liet Blaun, berkata peranan ahli jawatankuasa KRT ketika pandemik lepas juga amat dihargai.

Ketika ini terdapat 1,058 KRT di seluruh Sabah yang turut terlibat dengan gerak kerja Pelan Pemerksaan Kepimpinan Komuniti Rukun Tetangga membabitkan lima teras.

“Antara lain, KRT juga berfungsi dalam memupuk kesejahteraan, keselamatan selain mengeratkan lagi perpaduan, keharmonian dan semangat muhibbah sesama

masyarakat setempat,” katanya ketika ditemui selepas merasmikan Program Ziarah Ramadan RT Care anjuran KRT Taman Mesra Zon 3, Batu 4 di Masjid Saidina Ali Abi Thalib, PPR Taman Mesra, di sini, baru-baru ini.

Pada majlis itu, beliau bersama hadirin turut memasak bubur lambuk yang kemudiannya diagihkan kepada 25 pengerusi KRT untuk juadah berbuka puasa.

Dalam pada itu, beliau berharap 1,027 KRT aktif yang telah menerima geran KRT masing-masing, akan melaksanakan program dan gerak kerja berdasarkan pelan pemerksaan sedia ada.

“Ini juga usaha memperkukuhkan lagi peranan KRT bagi melaksanakan segala aktiviti di peringkat akar umbi dan sampai kepada masyarakat.”